

18 DEC 1998

DAP CADANG TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGIKUT GILIRAN

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini mencadangkan agar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbangkan untuk melantik timbalan perdana menteri mengikut giliran sehingga wujud calon pengganti yang sebenar.

Ketua pembangkang itu berkata pelantikan seumpama itu boleh dilakukan mengikut giliran, berasaskan dua bulan sekali, bagi setiap calon.

"Memandangkan Dr Mahathir telah memperkenalkan sistem itu bagi pelantikan Ketua Menteri Sabah, beliau sepatutnya menimbangkan perkara yang sama bagi jawatan timbalan perdana menteri," katanya dalam satu kenyataan.

Jawatan timbalan perdana menteri kosong berikutan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Sept lepas.

-- BERNAMA

RV RI